

# Jerebu terburuk dalam sejarah negara

UTUSAN MALAYSIA (11/09/2019)  
M/S 11


JEREBU merupakan satu fenomena pengurangan jarak penglihatan di udara yang berpunca daripada serakan cahaya boleh nampak oleh zarahhan terampai, gas atau wap air di atmosfera.

Pengurangan cahaya boleh nampak ini menyebabkan suasana kabur yang menyukarkan pandangan penglihatan daripada jarak tertentu.

Fenomena jerebu di rantau Asia Tenggara termasuk Malaysia sering dikaitkan dengan pengurangan jarak penglihatan disebabkan kepekatan zarahhan terampai yang tinggi di atmosfera akibat pembakaran biojisim.

Menurut Mohd Talib Latif, Murnira Othman dan Kamilah Hanani Kamin dalam rencana bertajuk *Fenomena Jerebu di Asia Tenggara: Punca dan Penyelesaian* yang disiarkan dalam Majalah Salam Bestari Edisi Julai 2017 fenomena itu sering berlaku pada musim kering di mana pembakaran biojisim oleh faktor semula jadi dan antropogenik sukar dikawal seterusnya menyebabkan kehadiran zarahhan terampai yang tinggi di udara.

Laporan itu memetik, sejak beberapa dekad yang



GAMBAR yang dirakam menunjukkan keadaan berjerebu di ruang udara Kuala Lumpur pada 21 Januari 2014.

Selain itu, fenomena *Indian Ocean Dipole* (IOD) yang berlaku pula menyebabkan permukaan air yang panas meninggalkan perairan Sumatera ke bahagian Selatan Afrika menyebabkan keadaan yang kering di Asia Tenggara dan memuncak pada bulan Julai sehingga bulan Oktober.

Keadaan kering itu menyebabkan kejadian pembakaran di kawasan tanah gambut menjadi lebih kerap dan cepat merebak di Malaysia.

Fenomena jerebu yang melanda rantau Asia Tenggara

tankuasa Pengurusan Bantuan Bencana Negara, Tan Sri Mohamed Rahmat.

Dalam surat bertajuk *Perisytiharan Darurat Jerebu* yang ditandatangani oleh Dr. Mahathir beliau berkata:

“Memandangkan keadaan jerebu di negeri Sarawak pada masa ini telah mencapai tahap IPG 500 ke atas dan adalah dianggarkan tahap ini akan berterusan beberapa lama lagi, maka dengan ini saya mengisytiharkan keadaan darurat jerebu bagi seluruh negeri Sarawak mulai dari sekarang hingga ke suatu masa pengisytiharan ini ditarik balik.” katanya.

Dr. Mahathir bagaimanapun menjelaskan bahawa pengisytiharan darurat itu tidak melibatkan penguatkuasaan perintah berkurung dan juga tidak ada perubahan corak dan sistem pemerintahan kerajaan negeri Sarawak.

“Walaupun bagaimanapun, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) hendaklah mengatur dan mengambil langkah-langkah yang perlu bagi menjamin keberkesanan keamanan dan keselamatan negeri Sarawak,” jelas Perdana Menteri.

Mohamed yang juga Menteri Penerangan berkata, darurat itu akan ditarik balik oleh Dr. Mahathir apabila keadaan indeks jerebu itu berkurangan atau kembali stabil

*Utusan Malaysia* bertarikh 25 Oktober 2015 memuatkan berita bertajuk *Jerebu terburuk dalam sejarah* melaporkan, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar ketika itu, Datuk Ir. Hamim Samuri berkata, fenomena jerebu yang berlaku disifatkan sebagai yang terburuk dalam sejarah negara sehingga menyebabkan sekolah-sekolah terpaksa ditutup, manakala penerbangan dan beberapa acara luar peringkat kebangsaan dibatalkan.

Katanya, sebelum ini Malaysia tidak pernah mengalami masalah kemerosotan kualiti udara yang berulang sebanyak tiga kali dalam masa kurang satu bulan sehingga menyebabkan aktiviti harian orang ramai terjejas.

“Seperti yang kita tahu, masalah ini berpunca daripada pembakaran hutan di Indonesia dan keadaan bertambah buruk apabila wujudnya dua ribut tropika di selatan Filipina yang menolak asap jerebu ke negara kita.

“Jika dilihat imej satelit, ia agak menakutkan kerana asap jerebu yang datang dari kiri dan kanan menyebabkan Semenanjung serta Sabah dan Sarawak diliputi asap jerebu itu,” katanya.

lalu, fenomena jerebu seolah-olah telah menjadi acara tahunan di Asia Tenggara, termasuk Malaysia.

Pada musim panas arah angin bergerak dari barat daya, zarahhan terampai hasil pembakaran biojisim itu menyebabkan suasana berjerebu yang teruk di kawasan pantai barat Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak.

Suasana itu disebabkan pergerakan angin panas yang merentas sempadan membawa zarahhan daripada kawasan pembakaran di Sumatera dan Kalimantan, Indonesia.

Cuaca yang panas berterusan itu menyebabkan pembakaran yang drastik berlaku di beberapa kawasan di Malaysia meningkatkan lagi jumlah

**MUKA** depan akhbar *Utusan Malaysia* memuatkan berita bertajuk *Darurat di Sarawak* yang telah diumumkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 20 September 1997.

zarahhan terampai di udara kesan ketidakstabilan atmosfera yang menyebabkan keadaan kering melampau.

Keadaan kering itu akan menyebabkan fenomena *El Niño Southern Oscillation* (ENSO) iaitu suhu air permukaan yang sejuk di bahagian barat Pasifik termasuk di lautan sekitar Asia Tenggara dan permukaan air yang panas di bahagian timur lautan Pasifik.

ENSO menyebabkan pengurangan jumlah hujan yang amat ketara di rantau Asia Tenggara.

termasuk di negara ini pada tahun 1997 dan 2015 menyebabkan Malaysia mengisytiharkan darurat dan yang terburuk dalam sejarah negara.

Muka depan *Utusan Malaysia* bertarikh 19 September 1997 memuatkan berita bertajuk *Jerebu melebihi paras berbahaya* melaporkan, Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad mengisytiharkan darurat jerebu di Sarawak apabila bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) melebihi 650, paras 'berbahaya' paling tinggi dalam sejarah.

Perdana Menteri yang juga Pengarah Gerakan Negara ketika itu, membuat perisytiharan darurat jerebu alam sekitar pertama dalam sejarah negara, setelah berbincang dengan Pengerusi Jawa-

**MOMEN  
& MEMORI**



**TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD** menunjukkan gambar satelit kebakaran hutan di Indonesia pada sidang akhbar di Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur pada 23 September 1997.